



FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD

(Group No. 4205-V)



DASAR HAK ASASI MANUSIA

VERSI 1
April 2022

Prinsip & Rasional

Fraser & Neave Holdings Bhd dan anak-anak syarikatnya (“**F&NHB**”) menjalankan perniagaan mereka dengan integriti, kejujuran, kesaksamaan dan pematuhan penuh terhadap semua undang-undang yang dikuatkuasakan. F&NHB mematuhi prinsip dan peruntukan “Kod Tadbir Urus Korporat 2018” serta “[Kod Etika & Tatakelakuan Perniagaan](#)” F&NHB. Kami komited untuk memikul tanggungjawab terhadap impak kami kepada masyarakat serta melayani semua pihak berkepentingan kami dengan bermaruah, hormat, adil tanpa diskriminasi, dan dengan pertimbangan terhadap hak asasi manusia mereka. Pihak berkepentingan kami termasuk para pekerja, rakan kongsi perniagaan, pembekal dan komuniti di seluruh rangkaian nilai kami. Kami percaya bahawa untuk meningkatkan perniagaan kami secara mampan dan menyumbang secara positif kepada masyarakat, adalah penting untuk kami menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip yang berkaitan bagi semua pihak berkepentingan dalam rangkaian nilai kami.

Untuk mempromosi dan menghormati hak kesemua pihak berkepentingan, kami telah mewujudkan “Dasar Hak Asasi Manusia” F&NHB yang mematuhi undang-undang, peraturan dan kawal selia domestik dan antarabangsa. “Dasar Hak Asasi Manusia” ini telah dibangunkan agar selaras dengan prinsip hak asasi manusia yang berkaitan di bawah piawaian antarabangsa, termasuk *Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia*, *Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*, serta *Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia* (“**UNGP**”), “*Global Compact*” *Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*, dan *Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa* dan *Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja*.

Definisi

Syarikat	Merujuk kepada F&NHB, dan anak-anak syarikat di mana Syarikat memegang lebih daripada 50% saham mereka dan mempunyai kawalan pengurusan.
Pekerja	Merujuk kepada semua pekerja yang berkhidmat di bawah kontrak pekerjaan dengan Syarikat, meliputi semua jawatan.
Pembekal	Merujuk kepada kontraktor, sub-kontraktor, pengilang, pengeluar utama, pengimport/ peniaga dan penyedia perkhidmatan profesional.
Rakan Niaga	Merujuk kepada ejen, rakan kongsi usaha sama dan pelanggan.

Skop Dasar

“Dasar Hak Asasi Manusia” F&NHB diguna pakai untuk semua aktiviti (iaitu, aktiviti langsung, produk atau perkhidmatan), serta untuk semua pengarah, pegawai eksekutif, pekerja, dan segala operasi perniagaan dan aktiviti berkaitan F&NHB. Syarikat berharap dan amat menggalakkan para pembekal dan rakan perniagaan untuk menyokong dan menjajarkan perniagaan mereka dengan “Dasar Hak Asasi Manusia” dan komitmen kami, sepertimana ianya patut diamalkan.

Selain itu, kami memanjangkan harapan dan komitmen ini kepada seluruh rantai nilai Syarikat, kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan pemegang hak yang berkenaan, termasuk:

- para pelanggan
- komuniti tempatan
- pekerja tidak langsung syarikat (cth. tenaga kerja kontrak pihak ketiga)
- golongan rentan (cth. wanita, wanita hamil, kanak-kanak, orang asli, pekerja asing/migran, komuniti tempatan, kumpulan minoriti, pelarian, individu tanpa kerakyatan, orang kurang upaya, warga emas dan individu yang beridentiti LGBTQI+).


Komitmen hak kemanusiaan F&NHB termasuk:



Larangan terhadap buruh kanak-kanak, buruh paksa, pemerdagangan manusia, diskriminasi serta gangguan.



Menghormati dan menggalakkan kesaksamaan, kepelbagaian, hak kebebasan berserikat dan perundingan kolektif, serta imbuhan yang saksama.



Menghormati dan menggalakkan keadaan kerja yang adil, menangani penghapusan waktu kerja yang berlebihan dan menyokong hak untuk mendapatkan gaji minimum atau menampung sara hidup, di mana dikehendaki oleh undang-undang negara.



Menghormati dan mempromosikan kesihatan dan keselamatan, privasi data dan alam persekitaran pihak berkepentingan kami.

Kami mengharapkan semua pihak berkepentingan kami menyedari dan menjajarkan diri dengan komitmen hak asasi manusia ini, sepertimana ianya patut diamalkan.

Amalan & Garis Panduan Dasar

Untuk memenuhi komitmen hak asasi manusia kami, F&NHB mengawal selia pengurusan hak asasi manusia dan prestasi kami secara berkesan melalui Usaha Wajar Hak Asasi Manusia (“**HRDD**”) Syarikat, yang selaras dengan rangka kerja hak asasi manusia UNGP.

Sebagai sebahagian daripada HRDD, kami menjalankan Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia (“**HRRA**”) untuk semua operasi kami dan aktiviti yang berkaitan dalam rantai nilai kami. Skop HRRA adalah sejajar dengan skop “Dasar Hak Asasi Manusia” F&NHB. Penilaian risiko meliputi semua pihak berkepentingan, pemegang hak dan golongan rentan yang dinyatakan sebelum ini yang terdedah kepada risiko pelanggaran hak asasi manusia, serta isu hak asasi manusia yang digariskan dalam komitmen kami.

Melangkah ke hadapan, kami menasahkan untuk menerapkan aspek ini secara progresif terhadap semua operasi sedia ada kami.



**AMALAN
PEKERJA**



AMALAN PEMBEKAL



**AMALAN
RAKAN NIAGA**



**AMALAN KOMUNITI &
ALAM SEKITAR**

Amalan Pekerja



Komitmen hak asasi manusia kami telah diterapkan ke dalam semua aspek pengurusan Modal Insan kami. Kami memastikan penghormatan hak asasi manusia untuk semua pekerja melalui penggabungan aspek hak asasi manusia ke dalam “Kod Etika & Tatakelakuan Perniagaan” kami. Ini termasuk menghormati maruah individu, hak asasi manusia untuk setiap insan, dan toleransi sifar terhadap diskriminasi, sama ada disebabkan oleh perbezaan etnik, bangsa, kewarganegaraan, jantina, bahasa, umur, warna kulit, status fizikal, agama, pandangan politik, pendidikan, status sosial, budaya, tradisi, keahlian kesatuan, identiti jantina atau sebarang status lain yang dianggap sebagai hak asasi manusia.

F&NHB komited untuk memastikan semua pekerja dilayan secara adil dalam pengambilan kerja dan lain-lain amalan pekerjaan, seperti permohonan kerja, kenaikan pangkat, penugasan kerja, latihan, gaji, faedah dan pemberhentian. Kami juga komited untuk memupuk, memelihara dan melestarikan budaya kepelbagaian dan keterangkuman merentasi perniagaan dan dalam semua peringkat kerja. Kami berhasrat untuk menarik dan mengekalkan bakat dari semua latar belakang.

F&NHB komited kepada pemberian imbuhan yang adil untuk semua pekerja dan hak kebebasan berserikat dan perundingan kolektif. Syarikat mematuhi undang-undang tempatan dan di mana berkenaan, memenuhi piawaian antarabangsa, termasuk larangan buruh kanak-kanak dan buruh paksa, serta sebarang bentuk tenaga kerja haram yang lain.

F&NHB menetapkan piawaian yang tinggi untuk keselamatan, kesihatan pekerjaan dan persekitaran kerja. Syarikat memastikan polisi kesihatan & keselamatan yang berkesan adalah terkini dan efektif untuk mengelakkan kemalangan, kecederaan, dan penyakit berkaitan kerja yang timbul daripada aktiviti perniagaan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh undang-undang dan piawaian antarabangsa.

F&NHB telah mewujudkan saluran pelaporan yang mudah diakses (seperti yang dinyatakan dalam “Dasar Pemberian Maklumat” dan Dasar Kilanan) untuk para pekerja melaporkan dan memberi maklum balas tentang isu berkaitan. Mereka digalakkan untuk melaporkan sebarang bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang timbul daripada operasi perniagaan Syarikat melalui saluran pelaporan tersebut. Seperti yang dinyatakan dalam ["Dasar Pemberian Maklumat"](#) F&NHB, kami akan melindungi, menyokong dan melayani mana-mana pemberi maklumat secara adil.

F&NHB akan melaksanakan peningkatan kesedaran dan latihan kepada pekerja untuk memahami peranan, tugas dan tanggungjawab mereka yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan untuk melaksanakan tugas mereka mengikut komitmen dan garis panduan hak asasi manusia kami.

Amalan Pembekal



F&NHB komited terhadap layanan yang adil untuk semua pembekal tanpa diskriminasi. Kami berkomunikasi dan menyokong para pembekal dan rakan kongsi perniagaan untuk menjalankan perniagaan dengan beretika, menghormati hak asasi manusia individu dan melayani orang lain secara adil.

Kami berharap dan menggalakkan semua pembekal menjalankan perniagaan mereka selaras dengan komitmen kami kepada hak asasi manusia, termasuk mempromosikan hak kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif, menangani penghapusan waktu kerja yang berlebihan dan menyokong hak untuk mendapat gaji minimum atau menampung kos sara hidup, di mana dikehendaki oleh undang-undang negara, serta kebajikan haiwan, dan mematuhi prinsip kesaksamaan dan etika perniagaan, serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Buruh kanak-kanak dan buruh paksa, serta sebarang bentuk tenaga kerja haram yang lain adalah dilarang sama sekali.

“Dasar Perolehan Mampan” dan amalan penyumberan kami meliputi komitmen penuh kami terhadap prinsip standard amalan perniagaan beretika di seluruh rantai bekalan, dan untuk mematuhi garis panduan serta prinsip jujur dan telus. Amalan penyumberan kami mengambil kira faktor persekitaran, sosial, tadbir urus dan ekonomi dalam pemilihan para pembekal kami. Kami juga memberi tumpuan kepada penyumberan tempatan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat di mana berkenaan.

[“Kod Amalan Pembekal”](#) kami menggariskan komitmen dan harapan kami kepada para pembekal yang berkaitan dengan etika perniagaan, pengurusan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan serta hak asasi manusia. Kami menggalakkan dan menyokong pembekal kami untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah, mengurangkan, mengurus dan memulihkan pelanggaran hak asasi manusia yang berpotensi timbul daripada operasi perniagaan mereka. Sebarang bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang ditemui hendaklah ditangani dan tidak akan diabaikan oleh Syarikat.

Amalan Rakan Niaga



F&NHB komited terhadap layanan yang adil untuk semua rakan kongsi perniagaan tanpa diskriminasi. Kami berharap rakan kongsi perniagaan kami akan menjajarkan diri dengan “Dasar Hak Asasi Manusia” kami, dan mana-mana undang-undang, amalan dan piawaian hak asasi manusia yang berkaitan, di mana berkenaan.

Kami juga menggalakkan rakan kongsi perniagaan kami turut mengaplikasi komitmen hak asasi manusia kami dalam pendekatan pengurusan mereka. Kami memastikan pelanggan kami menerima produk dan perkhidmatan yang berkualiti, selamat, pada harga yang berpatutan dan saksama serta mempromosikan kesihatan dan nutrisi.

Amalan Komuniti & Alam Sekitar



F&NHB komited untuk memastikan operasi dan aktiviti perniagaan kami tidak mencabul hak asasi manusia secara langsung terhadap komuniti sekeliling dan alam sekitar.

Kami mengendalikan perniagaan kami secara bertanggungjawab dengan memberi pertimbangan kepada potensi impak kepada komuniti dan alam sekitar. Syarikat telah mewujudkan “Dasar Alam Sekitar” serta garis panduan pengurusan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan meminimumkan kesan alam sekitar seboleh mungkin. Kami berhasrat untuk mengukuhkan hubungan positif dengan semua pihak berkepentingan, dan memberi layanan adil dan telus kepada pihak berkepentingan untuk mengelakkan sebarang pencabulan terhadap hak asasi manusia mereka.

F&NHB sentiasa menjejaki, memantau dan menilai risiko hak asasi manusia kami, dan telah membangunkan saluran pemberian maklumat dan aduan/maklum balas di mana input tentang isu dan kebimbangan berkaitan pelanggaran hak asasi manusia boleh dikemukakan. Kami akan berkomunikasi dan mendidik para pekerja tentang amalan hak asasi manusia kami. Kami menggalakkan dan menyokong kerjasama daripada semua pengarah, eksekutif, pekerja, dan semua kumpulan pihak berkepentingan dalam rantai nilai perniagaan untuk melaporkan sebarang bentuk keraguan, insiden dan pelanggaran hak asasi manusia yang timbul daripada operasi perniagaan melalui saluran-saluran Syarikat yang telah ditubuhkan secara khusus.

Hasil keputusan daripada saluran-saluran ini akan digunakan untuk mempertimbangkan sebarang penambahbaikan, dan untuk mengambil langkah-langkah mitigasi dan pemulihan yang bersesuaian. Kami menilai pelaksanaan dasar hak asasi manusia dan langkah mitigasi, berdasarkan proses penjejakan dan pemantauan. Seseorang yang telah melakukan pelanggaran hak asasi manusia akan tertakluk kepada proses tindakan tatatertib, dan dihukum menurut seksyen Kelakuan dan Tatatertib dalam “Buku Panduan Modal Insan” F&NHB. Jika pelanggaran tersebut adalah bertentangan dengan undang-undang yang berkenaan, prosiding undang-undang juga boleh dimulakan.

Kami berazam untuk menjalankan proses HRDD secara berkala untuk mengenal pasti/menyemak dan menilai sebarang risiko dan impak yang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia yang disebabkan oleh operasi perniagaan Syarikat dan aktiviti berkaitan. Prestasi Hak Asasi Manusia kami akan dilaporkan setiap tahun dalam “Laporan Kemampanan” kami.



Pernyataan “Dasar Hak Asasi Manusia” ini menggabungkan komitmen hak asasi manusia sedia ada yang dicerminkan dalam komitmen korporat, kawalan dan prosedur, proses dan pendekatan pengurusan sedia ada kami.